




KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	30/9/2019	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

FOTO: ASWADI ALIAS



RUMAH tradisional yang terpelihara di Kampung Baru.



Boleh jadi kebun komuniti

Kuala Lumpur: Kawasan rizab di sekitar ibu kota yang tidak sesuai bagi tujuan pembangunan masih boleh dimanfaatkan untuk dijadikan kebun komuniti, selari usaha pelestarian alam.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berkata, beliau melihat banyak kawasan yang mungkin tidak sesuai untuk pembangunan tetapi boleh dilakukan sedikit ubah suai tanpa struktur kekal bagi kegunaan komuniti.

Menurutnya, kawasan itu membabitkan rizab jalan, rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu di tepi sungai dan kawasan rentis Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Dalam perbincangan berkenaan Plan Struktur Kuala Lumpur 2040 ada dibangkitkan berkenaan penggunaan tanah seperti ini.

"Saya lihat untuk tiga kebun di Lembah Pantai iaitu kebun Bangsar, kebun Kerinchi dan yang akan diusahakan kebun



Saya lihat untuk tiga kebun di Lembah Pantai iaitu kebun Bangsar, kebun Kerinchi dan yang akan diusahakan kebun Sentosa, ini semua menggunakan tanah rizab"

Fahmi Fadzil

Sentosa, ini semua menggunakan tanah rizab.

"Contohnya kebun Bangsar di bawah rentis TNB, kebun Kerinchi rizab JPS dandi sini (kebun Sentosa) adalah kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Pemindahan Ilmu Kebun Sen-

tosa di Taman Sri Sentosa di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Amer Siddiq Amer Nordin.

Program dijayakan sekumpulan pelajar dan penyelidik dari Fakulti Alam Bina UM itu menekankan kesejahteraan komuniti, pengurusan sisa buangan dan penggunaan bahan kitar semula.

Fahmi berkata, kawasan rizab itu mungkin sebelum ini dianggap tidak bernilai tetapi apabila diusahakan bukan saja dapat meningkatkan aktiviti masyarakat malah menghindari perkara sosial tidak patut berlaku di kawasan terbabit.

Beliau berharap dengan adanya kebun bandar seperti itu yang kini sebanyak 22 kebun di seluruh Kuala Lumpur dapat meningkatkan lagi perpaduan dalam kalangan komuniti.



Kuala Lumpur: Bukan isu tawaran harga setiap kaki persegi yang dipertikalkan sebaliknya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mempersoalkan mengapa tanah Rizab Melayu di Kampung Baru perlu dijual.

Setiausaha Agungnya, Amirhamzah Karim berkata, ramai yang salah faham mengenai kenyataannya sebelum ini dan harga setiap kaki persegi tanah di Kampung Baru sepatutnya tidak perlu menjadi isu kerana apa yang lebih utama adalah soal pewarisan. Kata Amirhamzah, Kampung Baru adalah tanah Rizab Melayu yang dikurniakan oleh Sultan dan ia sepatutnya perlu dikekalkan bukannya dijual.

"Jika mahu dibangunkan sekalipun, kaedah sesuai untuk digunakan adalah menerusi sistem pajakan kerana status pewarisan tidak akan berubah.

"Dalam hal ini, kita boleh mengambil contoh negara jiran, Singapura yang mema-

Elak episod Felda Sendayan berulang



Jika mahu dibangunkan sekalipun, kaedah sesuai untuk digunakan adalah menerusi sistem pajakan kerana status pewarisan tidak akan berubah"

Amirhamzah

jukan tanah milik Orang Melayu secara pajakan, tetapi pewarisan tanah masih kekal.

"Kita tidak mahu menang sorak, kampung tergedai, ambil iktibar dengan apa yang berlaku di kawasan tanah Melayu sebelum ini seperti di Felda Sendayan contohnya, penduduk menjadi jutawan

sekelip mata tetapi kekayaan segera itu tidak kekal lama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Amirhamzah, jika perlu dijual sekalipun, tanah di Kampung Baru mestilah dinilai setara dengan apa yang ia miliki bagi memastikan tiada perbezaan ketara dengan nilai semasa pasaran.

Katanya, apa yang menjadi persoalan DPMM selama ini adalah mengapa kebanyakan tanah Rizab Melayu di negara ini dinilai rendah dan perlu dijual, bukan dikekalkan.

"la seolah-olah sudah tiada cara lain untuk digunakan sedangkan kita boleh menggunakan kaedah pajakan kerana kaedah itu boleh membantu mengekalkan tanah berkenaan kepada keturunan pewaris tanah untuk masa adakan datang.